

Soalan 1 (26 markah)

Cahaya Bhd. menjalankan perniagaan perkhidmatan membaiki barangan elektrik. Akurannya untuk bulan Mac 2001 adalah seperti berikut:

Nota	RM'000	RM'000
Plastik		98,700
Tolak		
Gaji dan upah	9,900	
Sumbangan kepada KWSP	1,782	
Sewa	10,500	
Pembaikan dan penggantian	2,160	
Pengiklanan	7,905	
Kecurian oleh pekerja	9	
Siswafai	3,700	
Pembungkusan	5,500	
Belanja iklan	24	
Pembaikan alat bagi staf	960	
Sewa van	1,152	
Belanja kenderaan bermotor	5,880	
Hutang lapuk dan ragu	2,550	
Insurans dan latihan	9,531	
Pembungkusan	2,200	
Pengalangan/pinjam peralatan	1,080	
Bayaran kepada agen	8,820	
Unggun pertukaran asing	300	

ACW 241/AAW 315 - Percukaian 1

Masa : 3 jam

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA** soalan.

Nota:

1. Sumbangan kepada KWSP termasuk sumbangan pada kadar 20% ganjaran kepada sekumpulan pegawai tinggi. Jumlah ganjaran ini ialah RM1,500,000.
2. Sewa termasuk pendahuluan sewa sebanyak RM54,000 yang dibayar kepada tuan punya harta.
3. Amaan ini termasuk kos pembaikan gudang yang dibeli oleh syarikat pada 5 Januari 2001. Kerja pembaikan secara besar-besaran bernilai RM198,000 telah siap selepas pembelian. Gudang ini digurakan pada 20 Mac 2001 selepas kerja pembaikan tamat.
4. Amaan ini diaman oleh kerani akaun semasa belian menjalankan tugas kerani tunai yang bercuti.
5. Siswafai termasuk kerugian sebanyak RM3,000 ke atas jualan van.

...2/-

Soalan 1 (26 markah)

Cahaya Bhd. menjalankan perniagaan perkhidmatan membaiki barangan elektrik. Akaunnya untuk tahun berakhir 31 Mac 2001 adalah seperti berikut:

	Nota	RM'000	RM'000
Hasil			98,700
Tolak: Gaji dan upah		9,900	
Sumbangan kepada KWSP	1	1,782	
Sewa	2	10,500	
Pembaikan dan penyelenggaraan	3	2,160	
Pengiklanan		7,905	
Kecurian oleh pekerja	4	9	
Susutnilai	5	5,700	
Pembungkusan dan alatulis		9,300	
Belanja faedah		24	
Peruntukan am bagi staf	6	960	
Sewa van	7	1,152	
Belanja kenderaan bermotor		5,880	
Hutang lapuk dan ragu	8	2,550	
Insurans dan latihan	9	9,531	
Derma	10	348	
Penyelenggaraan peralatan	11	1,080	
Bayaran kepada agen	12	8,820	
Kerugian pertukaran asing	13	<u>300</u>	
			<u>77,901</u>
			20,799
Pendapatan lain	14		<u>651</u>
Keuntungan sebelum cukai			<u><u>21,450</u></u>

Nota:

1. Sumbangan kepada KWSP termasuk sumbangan pada kadar 20% ganjaran kepada sekumpulan pegawai tinggi. Jumlah ganjaran ini ialah RM1,500,000.
2. Sewa termasuk pendahuluan sewa sebanyak RM54,000 yang dibayar kepada tuan punya harta.
3. Amaun ini termasuk kos pembaikan gudang yang dibeli oleh syarikat pada 5 Januari 2001. Kerja pembaikan secara besar-besaran bernilai RM198,000 telah dimulakan selepas pembelian. Gudang ini digunakan pada 20 Mac 2001 selepas kerja pembaikan tamat.
4. Amaun ini dicuri oleh kerani akaun semasa beliau menjalankan tugas kerani tunai yang bercuti.
5. Susutnilai termasuk kerugian sebanyak RM3,000 ke atas jualan van.

...3/-

6. Akaun Peruntukan Am bagi staf adalah seperti berikut:

	RM
Peruntukan Am pada 1 April 2000	(645,000)
Peruntukan Am pada 31 Mac 2001	495,000
Gratuiti dibayar untuk tahun sehingga 31 Mac 2001	<u>1,110,000</u>
	<u>960,000</u>

7. Sewa van dan kereta adalah berkaitan dengan pajakan enam buah van dan tiga buah kereta Mercedes Benz yang mula dipajak (leased) mulai 1 April 2000 pada kadar sewa bulanan sebanyak RM11,500 untuk sebuah van dan RM9,000 untuk sebuah kereta Mercedes Benz.

8. Akaun Hutang Lapuk dan Ragu adalah seperti berikut:

<u>Akaun Hutang Lapuk dan Ragu</u>		
	RM	RM
Hutang lapuk dihapuskira	1,740,000	Baki pada 1 April 2000:
		Am
		600,000
Baki pada 31 Mac 2001:		Spesifik
Am	750,000	960,000
Spesifik	<u>2,100,000</u>	480,000
	4,590,000	Pemulihan
		2,550,000
		Untung Rugi
		<u>4,590,000</u>

Semua butiran adalah berkaitan dengan hutang niaga kecuali amaun sebanyak RM60,000 yang berkaitan dengan pinjaman peribadi kepada bekas pengarah yang dimasukkan kira dalam pemulihan.

9. Insurans dan latihan termasuk:

- (i) Premium insurans untuk polisi nyawa pengarah urusan adalah sebanyak RM18,000. Polisi ini adalah untuk memperuntukkan dana bagi bayaran gratuititi bila beliau bersara kelak.
- (ii) Bayaran sebanyak RM135,000 kepada sebuah instituit latihan yang diluluskan supaya menaja tiga orang rakyat Malaysia yang bukan pekerja syarikat yang kurang berupaya serta telah berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Sosial. Tujuan program latihan ini ialah untuk meningkatkan peluang pekerjaan mereka.

10. Derma meliputi:

	RM
Sumbangan kepada Perpustakaan Universiti Sains Malaysia	200,000
Sumbangan kepada pertubuhan yang diluluskan	142,000
Sumbangan kepada parti politik	<u>6,000</u>
	<u>348,000</u>

11. Termasuk dalam penyelenggaraan peralatan ialah kos menyiapkan sistem pengesanan pergerakan van sebanyak RM600,000.

12. Bayaran kepada agen termasuk amaun sebanyak RM33,000 yang diterima daripada seorang agen lain yang telah membayar sebagai gantirugi kehilangan konsainmen alat elektrik.
13. Kerugian pertukaran asing timbul dari perbelanjaan ke atas import peralatan modal.
14. Pendapatan lain termasuk:
- | | RM |
|--|----------------|
| Dividen (bersih) | 36,000 |
| Faedah yang dicaj ke atas hutang niaga | 12,000 |
| Faedah yang diterima dari wang simpanan di syarikat kewangan | <u>603,000</u> |
| | <u>651,000</u> |
15. Elaun modal bagi tahun taksiran 2001 berjumlah RM5,100,000.
16. Caj imbalan bagi tahun taksiran 2001 berjumlah RM39,000.

Dikehendaki:

- (a) Sediakan Penyata Untung Rugi Cahaya Bhd. bagi tahun taksiran 2001 yang sesuai bagi tujuan taksiran sendiri. (Setiap butiran yang dinyatakan dalam nota kepada akaun di atas hendaklah disenaraikan dalam pengiraan anda dan catatkan "tiada" jika tiada pelarasan yang diperlukan). [22 markah]
- (b) Kirakan cukai kena bayar Cahaya Bhd. bagi tahun taksiran 2001. [4 markah]

Soalan 2 (20 markah)

- (a) Encik Johan dan isterinya memberi maklumat berikut mengenai pendapatan mereka untuk tahun taksiran 2001:

	<u>Suami</u>	<u>Isteri</u>
	RM	RM
i) Perniagaan Elektrik :		
Pendapatan larasan	80,000	-
Elaun modal	12,000	-
Caj Imbalan	8,000	-
Elaun modal T/T 2000	6,000	-
Kerugian perniagaan T/T 2000	(9,000)	-

ii)	Perniagaan Jahit:		
	Pendapatan larasan	-	15,000
	Elaun modal	-	2,500
	Elaun Imbangan	-	1,500
iii)	Perniagaan Perabot:		
	Kerugian larasan	(6,000)	-
	Elaun modal	3,000	-
	Caj imbangan	5,000	-
iv)	Perniagaan perkongsian:		
	Pendapatan larasan	25,000	-
	Elaun modal	3,000	-
	Caj imbangan	5,000	-
v)	Yuran pengarah	-	10,000
vi)	Sewa		
	Malaysia (pendapatan/kerugian dilaraskan)	12,000	(6,000)
	Singapore (dikirimkan)	18,000	-
vii)	Dividen		
	Malaysia (bersih)	10,800	4,320
	Malaysia (bertaraf perintis)	20,000	5,000
viii)	Faedah		
	Simpanan tetap (bersih – selepas cukai)	7,200	5,400

Maklumat tambahan:

a) Derma kepada institusi yang diluluskan untuk tahun taksiran 2001:

	<u>Tunai</u>	<u>Barangan</u>	<u>Jumlah</u>
	RM	RM	RM
Suami	1,500	600	2,100
Isteri	800	900	1,700

b) Dalam tahun taksiran 2001, Encik Johan juga menderma RM25,000 kepada Perpustakaan Awam Sungei Dua, Pulau Pinang dan isteri menderma kerusi roda bernilai RM3,000 kepada Rumah Pulih Akal Minden, sebuah kemudahan kesihatan yang diluluskan.

c) Sumbangan/bayaran pada tahun taksiran 2001:

	<u>Suami</u> RM	<u>Isteri</u> RM
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja:	-	1,980
Premium Insurans nyawa	4,500	3,500
Premium Insurans Annuiti KWSP	1,500	850
Premium Insurans perubatan	4,000	1,500
Premium Insurans kemalangan	800	300
Bayaran perubatan ibu bapa	7,000	3,500
Bayaran Zakat	1,000	500

d) Perbelanjaan untuk anak pada tahun taksiran 2001:

- i) Anak pertama, berumur 23 tahun, sedang belajar di Universiti Sains Malaysia. Tanggungan sebanyak RM8,000 dibelanja oleh Encik Johan dan beliau menuntut elaun anak.
- ii) Anak kedua, 21 tahun, sedang belajar di Australia. RM18,000 dibelanja oleh isteri Encik Johan untuk pengajian anaknya. Isteri menuntut elaun anak kedua ini.
- iii) Anak ketiga, 19 tahun, adalah seorang penuntut separuh masa di sebuah kolej swasta. Pendapatan beliau dari kerja separuh masa pada tahun taksiran 2001 berjumlah RM3,500 tetapi Encik Johan terpaksa menanggung RM3,000 ke atas perbelanjaan pengajiannya. Encik Johan menuntut elaun anak ketiga ini.
- iv) Anak keempat, 17 tahun dan kurang upaya, masih belajar di sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur. Dalam bulan Februari 2001 Encik Johan membeli sebuah kerusi beroda elektrik berharga RM8,000 untuk kegunaannya. RM6,000 ditanggung oleh Encik Johan keatasnya dalam tahun 2001 dan beliau menuntut semua elaun yang ada untuk tanggungan anak ini.

Dikehendaki:

Kirakan cukai kena bayar Encik Johan dan isterinya bagi tahun taksiran 2001 dengan mengandaikan bahawa isterinya tidak memilih taksiran bersama. [16 markah]

(b) Mengapakah pentingnya membezakan antara pendapatan penggajian dengan pendapatan perniagaan? [4 markah]

Soalan 3 (19 markah)

- (a) Teguh Sdn. Bhd. memulakan perniagaan pembuatan pada 1 April 1997. Tarikh tutup akaun syarikat ialah 31 Mac setiap tahun. Teguh Sdn. Bhd. membina sebuah kilang dan perbelanjaan yang terlibat adalah seperti berikut:

	<u>Tarikh</u>	<u>Amaun (RM)</u>
Kos tanah	01-09-1996	1,380,000
Bayaran guaman (tanah)	23-09-1996	152,000
Kerja cerucuk (piling)	01-12-1996	520,000
Bayaran Akitek	16-12-1996	52,000
Bayaran guaman (bangunan)	06-01-1997	38,000
Kos pembinaan	15-02-1997	960,000
Elektrik dan saluran	12-03-1997	110,000

Pembinaan kilang disiapkan pada 25 Mac 1997. Teguh Sdn. Bhd. memulakan pengeluaran sarung tangan getah di kilang barunya pada 1 April 1997. 1/8 dari keluasan persegi kilang tersebut digunakan sebagai pejabat.

Oleh kerana kekurangan permintaan, Teguh Sdn Bhd. mengalami kerugian besar. Walau pun begitu Teguh Sdn. Bhd. masih menggunakan kilang tersebut untuk mengeluarkan sarung tangan getah sehingga 31 Mac 1999. Kilang tersebut dijual kepada Lasat Bhd. pada 1 Jun 1999 dengan harga RM3,300,000, termasuk kos tanah sebanyak RM1,520,000. Tahun kewangan Lasat Bhd. berakhir 30 Jun setiap tahun. Lasat Bhd. memula operasi perkilangan dalam bangunan yang dibeli pada 29 Jun 1999.

Dikehendaki:

Kirakan elaun atau caj bangunan perindustrian bagi tahun-tahun berkenaan sehingga tahun taksiran 2001 yang boleh dituntut oleh:

- (i) Teguh Sdn Bhd. dan
(ii) Lasat Bhd.

[16 markah]

- (b) Mula Bhd., sebuah syarikat perkilangan yang ditubuhkan untuk mengeluarkan barangan elektronik, mempunyai peristiwa berikut:

<u>Tarikh</u>	<u>Aktiviti</u>
06.01.2001	Beli bangunan kilang
01.02.2001	Pembinaan semula kilang disiapkan
15.02.2001	Jentera dan mesin dipasang
25.02.2001	Bahan mentah diterima
02.03.2001	Pengeluaran barangan elektronik mula
15.03.2001	Set pertama barangan elektronik dijual

Dikehendaki:

Nyatakan dengan penerangan tarikh permulaan perniagaan Mula Bhd.

[3 markah]

Soalan 4 (19 markah)

(a)

Prestasi Minden Bhd. bagi dua tahun berakhir 31 Disember 2000 dan 2001 adalah seperti berikut:

	<u>Tahun Berakhir</u>	
	<u>31 Disember 2000</u>	<u>31 Disember 2001</u>
Pendapatan (Kerugian) dilaraskan dari sumber_Perniagaan	RM 400,000	RM (160,000)
Elaun modal	200,000	100,000
Pendapatan faedah (bersih – selepas cukai Diterima pada 31 Mei setiap tahun)	10,000	12,000

Syarikat juga menerima dividen Malaysia selepas cukai berikut:

Tarikh penerimaan

	RM
01.07.2000	14,400
01.09.2000	43,200
30.09.2000	20,000 (dikecualikan cukai)
30.11.2001	43,800 (termasuk RM15,000 yang dikecualikan cukai)

Minden Bhd. pula membayar dividen ke atas modal syer yang dikeluarkan pada tarikh dan kadar berikut:

<u>Tarikh bayaran</u>	<u>Kadar dividen kasar</u>
31.08.2000	12.0 %
01.11.2000	15.0 %
30.06.2001	0.5 % (dikecualikan cukai)
31.10.2001	27.0 %

Minden Bhd. mempunyai modal saham yang dikeluarkan sebanyak RM2,000,000 yang ditingkatkan sebanyak RM400,000 lagi pada 1 Oktober 2001.

Pada permulaan tahun asas bagi tahun taksiran 2000 (asas tahun kini), Minden Bhd. mempunyai baki kredit sebanyak RM240,000 di bawah Seksyen 108, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Dikehendaki:

Kirakan baki Akaun Seksyen 108 Minden Bhd. untuk tahun taksiran 2000 dan 2001.

[13 markah]

(b)

Terangkan empat contoh tanda-tanda perniagaan yang boleh digunakan untuk menentukan sama ada sesuatu urusan adalah usaha yang bercorak niaga.

[6 markah]

Soalan 5 (16 markah)

Ali dan Bala adalah rakan kongsi dalam satu perkongsian yang membahagikan untung atau rugi sama rata. Perkongsian menyediakan akaunnya sehingga 31 Mac setiap tahun.

Berikut adalah Penyata Pendapatan bagi perkongsian untuk tahun berakhir 31 Mac 2001:

		RM
Jualan		6,750,000
Tolak: Kos jualan		<u>5,330,000</u>
Pendapatan kasar		1,420,000
Pendapatan lain		<u>890,000</u>
		2,310,000
Tolak belanja:		
Utiliti	227,000	
Gaji dan upah staf	459,000	
Pengangkutan & perjalanan	153,000	
Belanja am	980,000	
Keraian	33,000	
Susutnilai*	35,000	
Gaji rakan kongsi	135,000	
Faedah ke atas modal rakan kongsi	<u>34,000</u>	<u>2,056,000</u>
Untung bersih bagi tahun		<u>254,000</u>

* Elaun modal bagi tahun taksiran 2001 ialah RM34,000

[ACW241/AAW315]

Maklumat lain:

	<u>Ali</u>	<u>Bala</u>
(a) Gaji rakan kongsi sebulan:	RM5,000	RM6,000
(b) Modal yang disumbangkan oleh setiap rakan kongsi:	RM300,000	RM100,000
(c) Faedah ke atas modal setahun:	8 %	8 %

Ali menarik diri dari perkongsian pada 30 September 2000 and semua modal terkumpulnya termasuk untung sehingga tarikh tersebut dikeluarkan olehnya.

Pada 1 Oktober 2000 Chong menyertai perkongsian dengan syarat pembahagian untung atau rugi sama rata serta syarat berikut:-

	<u>Bala</u>	<u>Chong</u>
(i) Gaji rakan kongsi sebulan:	RM6,000	RM6,000
(ii) Modal disumbangkan oleh setiap rakan kongsi:	RM200,000	RM200,000
(iii) Faedah ke atas modal setahun:	10 %	10 %

Dikehendaki:

Kirakan pendapatan statutori dari perkongsian setiap rakan kongsi bagi tahun taksiran 2001.

[16 markah]

Cukai Pendapatan Individu Yang Kena Dibayar

Kum. Pendapatan Bercukai (RM)	Kadar Cukai (%)	Cukai Dibayar (RM)
1 – 2,000	0% di atas yang pertama	0
2,001 – 5,000	1% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>25</u> 25
5,001 – 10,000	3% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>150</u> 175
10,001 – 20,000	5% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>500</u> 675
20,001 – 35,000	9% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>1,350</u> 2,025
35,001 – 50,000	15% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>2,250</u> 4,275
50,001 - 70,000	20% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>4,000</u> 8,275
70,001 - 100,000	25% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>7,500</u> 15,775
100,001 – 150,000	28% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>14,000</u> 29,775
Melebihi 150,001	29%	

- 0000000 -

